

APLIKASI KONSEP WAKALAH DALAM PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN: KAJIAN DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

*An Application of Wakalah concept In Payment of Zakat for Saving: A Study at Bank Islam
Malaysia Berhad (BIMB)*

Norazira Sharifⁱ & Hairunnizam Wahidⁱⁱ

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Zakat telah memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan sosio ekonomi umat Islam untuk memastikan kesaksamaan serta mengurangkan jurang agihan pendapatan dan kekayaan dalam kalangan rakyat di dalam sesebuah negara. Sumbangan zakat simpanan daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat dilihat masih lagi secara relatifnya kecil berbanding kutipan zakat pendapatan. Kepentingan membayar zakat terutamanya zakat simpanan telah lama diwar-warkan dan pelbagai program telah dijalankan oleh pihak yang berwajib bagi memastikan golongan yang mampu menjalankan tanggungjawab mereka dengan membayar zakat. Dalam menyediakan produk patuh syariah Bank Islam telah berkerjasama dengan pihak zakat bagi membantu meningkatkan jumlah kutipan zakat simpanan. Persoalan kajian ialah sejauhmanakah institusi perbankan Islam boleh berperanan membantu pihak institusi zakat meningkatkan jumlah kutipan zakat ke atas simpanan. Kajian ini adalah penting kerana tidak banyak kajian yang berkaitan dengan aspek perbankan Islam yang turut sama berperanan meningkatkan jumlah kutipan zakat ke atas simpanan. Objektif kajian ini dilakukan untuk melihat mekanisme yang telah dilancarkan oleh pihak BIMB bagi membayar zakat simpanan dan pelaburan bagi pihak pendeposit mereka menggunakan konsep wakalah di antara pelanggan dan bank. Kajian ini merujuk kepada beberapa laporan Bank Islam dan laporan yang tidak diterbitkan untuk meneliti aspek tersebut. Kajian ini mendapati telah wujud satu mekanisme yang komprehensif peranan BIMB dalam bertindak sebagai wakil (*al-wakil*) dalam membayarkan zakat ke atas simpanan bagi pihak pelanggan (*al-mutawakkil*). Beberapa cadangan dan implikasi dasar turut dijelaskan dalam kajian ini.

Kata Kunci: Zakat simpanan, wakalah, patuh syariah

ABSTRACT

Zakat has played an important role in the socio-economic development of Muslims to reduce income and wealth inequality among the people of a country. The contribution of zakat for savings to the total amount of zakat collected by the zakat institution is still relatively small compared to the collection of income on zakat. The importance of paying zakat among Muslims, especially in term of zakat for saving has been previously debated and various programs have been implemented by the zakat institution to ensure that they are able to carry out their responsibilities by paying zakat. In providing Shariah-compliant products, BIMB has partnered with the zakat institution to assist them to increase the amount of zakat for savings. The research question is to what extent Islamic banking institutions can play a role in helping zakat institutions to increase the amount of zakat in savings. This study is important because there are not many studies related to these aspects, especially the role of Islamic banks in increasing the amount of zakat on savings. The objective of this study is to explore the mechanism that BIMB has put in place to implement the zakat on savings and investment on behalf of the depositors by using the concept of wakalah between depositors and banks. This study has referred to several BIMB reports and unpublished reports to investigate all these aspects. This study found that a comprehensive mechanism do exist for BIMB's role in acting as a representative (al-wakil) in paying zakat on savings on behalf of the client (al-mutawakkil). Several suggestions and policy implications are also discussed in this study.

Keyword: Zakat for saving, Wakalah, Syariah Compliant.

PENGENALAN

Zakat daripada aspek istilah dalam Fiqh zakat ialah mengeluarkan kadar tertentu daripada harta yang tertentu bagi faedah golongan yang berhak menerimanya sebagaimana yang ditentukan oleh Allah SWT. (Mahmood Zuhdi, 2003). Zakat merupakan komponen yang penting dalam sosio ekonomi kerana dengan adanya zakat, ia dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang seimbang melalui agihan semula pendapatan serta kekayaan antara golongan kaya dan miskin dan seterusnya meningkatkantahap penyucian rohani dalam setiap individu dengan matlamat dapat mengeluarkan golongan asnaf zakat daripada dihimpit oleh kemiskinan yang berterusan. Golongan yang kaya akan berasa tenang dan golongan yang susah pula merasa mereka dihargai. Zakat juga dikatakan dapat menyucikan diri

apabila seseorang yang berhati suci dan mulia keranasifat mereka yang tidak bakhil dan terlalu cintakan harta dunia semata-mata (Mahmood Zuhdi, 2003).

Kepentingan berzakat itu sendiri dapat dilihat apabila diletakkan di dalam prinsip rukun Islam yang ketiga dan terdapat banyak Hadis Nabi SAW yang meriwayatkan mengenai kepentingan mengeluarkan zakat ke atas harta bagi golongan yang berkemampuan. Sebagaimana firman Allah SWT mengenai kepentingan membayar zakat di dalam Al-Quran bermaksud:

“Ambillah sebahagian dari harta mereka sebagai sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”
(Surah At-Taubah: 103)

Untuk menyokong kepentingan mengeluarkan zakat, Hadis Nabi SAW menunjukkan bahawa Islam menuntut umatnya yang berkemampuan untuk membayar zakat iaitu;

“Islam itu terbina atas lima perkara: bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan dan menunaikan puasa pada bulan Ramadhan”.(Riwayat Bukhari & Muslim)

Namun begitu, masih ramai dalam kalangan umat Islam yang masih lupa akan hak-hak Allah SWT baik di dalam pengurusan harta mahupun di dalam diri mereka sendiri. Sifat tamakkan harta dunia dan tidak puas dengan apa yang dimiliki menyebabkan mereka menjadi bakhil dan takut akan mengeluarkan sedikit harta untuk dizakatkan. Di dalam Surah At-Taubah, Allah SWT telah pun mengingatkan umat Islam dengan firmanNya yang bermaksud,

“Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menginfakkannya di jalan Allah, maka berikanlah khabar gembira kepada mereka bahawa mereka akan mendapat azab yang pedih. Ingatlah hari ketika emas dan perak dipanaskan dalam neraka jahanam, lalu dengan itu diseterika dahi, lambung dan belakang mereka, lalu

dikatakan kepada mereka “inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakan akibat dari apa yang kamu simpan itu.”

(Surah At-Taubah, ayat 34 dan 35)

Hakikatnya, zakat terbahagi kepada dua bahagian iaitu zakat fitrah dan juga zakat harta di mana umat Islam perlu melunaskan ianya apabila cukup syarat. Zakat harta pula terbahagi kepada beberapa jenis iaitu zakat ternakan, zakat pertanian, zakat perniagaan, zakat emas dan perak, dan juga zakat *rikaz*. Menurut Laporan pusat pungutan zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada tahun 2012, terdapat pelbagai jenis zakat harta yang telah dikutip oleh pihak dan jumlah kutipan zakat terus meningkat dari tahun ke tahun seperti zakat saham, zakat wang simpanan dan pelaburan, zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), *qada'* zakat dan pelbagai lagi zakat yang lain. Kesemua zakat ini akan dikira apabila cukup *nisab* serta cukup syarat untuk seseorang membayar zakat.

Hasil kutipan zakat kian meningkat saban tahun berikutan daripada pelbagai kempen yang telah dijalankan oleh PPZ dan kini mencatatkan jumlah yang besar dan mampu untuk membantu para asnaf dan golongan miskin. Pihak PPZ juga harus memainkan peranan penting bagi mengagihkan hasil kutipan zakat tersebut sebaik mungkin untuk meningkatkan hasil kutipan zakat (Muhsin, 2014). Kenyataan ini disokong dengan peningkatan hasil kutipan zakat simpanan seperti di Ringkasan Laporan Tahunan MAIWP pelbagai tahun seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Jumlah kutipan zakat simpanan oleh PPZ-MAIWP tahun 2011-2018

Tahun	Jumlah Kutipan Zakat Simpanan (RM Juta)	Perubahan tahunan (%)	Bil Pembayar zakat simpanan	Perubahan tahunan (%)	Jumlah Kutipan Zakat (RM Juta)	Nisbah Zakat Simpanan/Jumlah Kutipan zakat (%)
2011	18.43	-	8,607	-	341.33	5.40
2012	20.47	11.07	9,184	6.70	402.81	5.08
2013	23.37	14.17	9,682	5.42	484.65	4.82
2014	24.83	6.25	9,875	1.99	532.91	4.66
2015	35.34	42.33	15,604	58.02	557.64	6.34
2016	39.32	11.26	16,353	4.80	580.69	6.77
2017	42.81	8.88	16,977	3.82	615.19	6.96
2018	45.95	7.33	16,951	(0.15)	661.22	6.95

Nota: () menunjukkan angka negatif

Sumber: Ringkasan Laporan Zakat PPZ-MAIWP pelbagai tahun

Berdasarkan daripada Jadual 1, laporan yang dikeluarkan oleh pihak PPZ menunjukkan jumlah kutipan zakat mencatatkan peningkatan setiap tahun. Jika dilihat dalam tempoh lapan tahun kebelakangan ini, hanya pada tahun 2015 peratusan kutipan zakat simpanan telah melonjak naik berbanding tahun sebelumnya dengan catatan sebanyak 42.3 peratus kenaikan. Ini menunjukkan bahawa jumlah kutipan zakat simpanan boleh memberikan impak yang besar kepada jumlah kutipan zakat sekiranya ia dibayar secara berterusan oleh pembayar zakat. Walau bagaimanapun peningkatan ini tidak berterusan pada tahun berikutnya dan kutipan zakat simpanan telah mencatatkan jumlah peningkatan yang agak kecil. Pada tahun 2018 pula, peratusan perubahan kutipan zakat simpanan telah menunjukkan prestasi yang amat rendah apabila peratusan pembayar zakat menunjukkan angka negatif dan ini menggambarkan bahawa kemungkinannya tahap kesedaran pembayaran zakat simpanan yang masih rendah walaupun peratusan kutipan menunjukkan kenaikan sebanyak 7.33 peratus sahaja. Situasi ini agak konsisten dengan kajian-kajian sebelum ini yang berpendapat tahap kesedaran membayar zakat ke atas simpanan masih lagi rendah (Farah et. al, 2015a & Farah et. al, 2015b). Contohnya kajian oleh Menurut kajian oleh Wan Marhaini dan Ana Shakirah (2019) mendapati kesedaran membayar zakat ini adalah sangat kurang dan kesedaran membayar itu bergantung kepada umur, pendidikan tahap pengetahuan seseorang itu di dalam isu pembayaran zakat simpanan. Persoalannya ialah adakah fenomena ini berlaku akibat daripada kurangnya kempen oleh pihak institusi zakat atau kesedaran individu itu sendiri masih rendah untuk membayar zakat simpanan. Adakah kemungkinan tahap kesedaran ini akan bertambah sekiranya wujud peranan institusi kewangan Islam seperti peranan bank Islam yang sendiri membayarkan zakat ke atas simpanan bagi pihak pendeposit.

Berdasarkan laporan zakat oleh PPZ setiap tahun, kajian ini mendapati jumlah kutipan zakat simpanan merupakan antara tiga penyumbang terbesar di dalam jumlah kutipan zakat keseluruhan oleh PPZ. Namun begitu, walaupun jumlah kutipan zakat simpanan menduduki tempat ketiga selepas zakat pendapatan dan zakat perniagaan, wujud jurang yang agak besar di antara zakat simpanan dan juga zakat perniagaan dan pendapatan. Ini bermakna kempen untuk membayar zakat simpanan ini masih belum dapat memberi kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan membayar zakat

simpanan ini (Farah Mastura & Zainol, 2015a). Ini berlaku kemungkinan disebabkan oleh terdapat banyak faktor yang mempengaruhi jumlah kutipan zakat perniagaan dan zakat pendapatan yang menyebabkan kadar kutipan kedua-dua zakat ini melonjak tinggi berbanding pembayaran zakat simpanan. Antara faktor yang telah dikenalpasti ialah dengan pembayaran zakat tersebut, individu layak untuk mendapat pelepasan cukai (rebat) daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) (Farah Mastura & Zainol, 2015a). Berdasarkan Jadual 1 tersebut, kemerosotan jumlah pembayar zakat simpanan pada tahun 2018 berbanding 2017, terdapat banyak pihak perbankan yang boleh menjalankan kerjasama dengan institusi zakat bagi membantu meningkatkan lagi jumlah kutipan zakat simpanan. Kajian ini berpendapat, ia bukanlah tugas kepada satu pihak sahaja untuk meningkatkan kesedaran bagi masyarakat tetapi pihak bank secara khususnya perlu lebih banyak membantu dalam menangani isu ini. Malah institusi bank turut memainkan peranan yang signifikan untuk perkembangan zakat dan menjana ekonomi negara (Choudhury & Sofyan, 2008) termasuklah sebagai ejen pungutan zakat termasuklah zakat simpanan.

Justeru, peranan BIMB sebagai institusi kewangan Islam amat signifikan dalam usaha meningkatkan jumlah kutipan zakat simpanan. BIMB telah ditubuhkan pada tahun 1 Julai 1983 untuk menyediakan perkhidmatan perbankan yang patuh syariah berasaskan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Ia adalah satu-satunya bank yang berlandaskan syariah Islam pada masa tersebut. BIMB telah menyediakan pelbagai produk kewangan patuh syariah dan ia semakin berkembang pesat sehinggalah ke hari ini. Apa yang menariknya ialah sejak dari penubuhan juga, BIMB telah bertanggungjawab untuk membuat pembayaran zakat simpanan bagi pihak pendeposit sehinggalah perkhidmatan itu telah ditamatkan pada tahun 2015. Ini berlaku adalah kerana sejak dari tahun 2015 Bank Islam hanya membayar zakat di atas dana pemegang saham dan selain daripada pendeposit mengikut dari panduan manual JAWHAR dan di dalam manual ini pendeposit disarankan untuk membayar zakat secara terus kepada pihak zakat. Sebenarnya institusi perbankan Islam khususnya telah memainkan peranan yang amat penting untuk menaikkan deposit pelanggan dan seterusnya menyumbang kepada pembayaran zakat simpanan. Mereka perlu bersaing dengan bank-bank konvensional untuk mempromosikan produk supaya ia tidak ketinggalan dan menggalakkan masyarakat mendapat khidmat produk patuh syariah. Namun begitu pihak perbankan Islam tidak perlu terlalu risau akan bersaing dengan konvensional sekiranya mereka lebih faham

akan kumpulan sasaran mereka dan juga objektif penubuhan perbankan Islam itu sendiri (Sudin, 2005).

Persoalannya bagaimanakah mekanisme melalui kontrak wakalah dapat dipraktikkan dalam membayar zakat ke atas deposit simpanan di BIMB. Ini kerana tidak banyak kajian yang dilakukan terhadap kecenderungan pembayaran zakat simpanan berbanding dengan zakat yang lain dan juga kajian mengenai pengagihan zakat. Kajian ini juga akan mengkaji konsep yang digunapakai antara pihak bank dan juga pihak pelanggan dalam proses pembayaran zakat simpanan dari awal sehinggalah ke akhir proses tersebut. Adakah pihak pelanggan akan dimaklumkan setelah proses itu berlaku atau tidak dan juga bagaimana cara pembayaran itu berlaku, sama ada pihak bank akan menolak keuntungan pelanggan atau dengan cara lain. Dan objektif yang terakhir adalah untuk melihat bagaimana pengiraan zakat simpanan itu dilakukan oleh pihak bank, adakah ianya selari dengan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak MAIN. Dengan adanya cara pengiraan yang telus ini juga akan memberikan pengetahuan yang lebih kepada masyarakat akan bagaimana pengiraan itu dilakukan.

KAJIAN LEPAS

Merujuk kepada keadaan masa kini, perkembangan institusi pungutan zakat semakin memberangsangkan dan juga efektif. Tidak hanya bertumpu kepada satu jenis kutipan, kini pusat pungutan zakat di setiap negeri akan meluaskan pelbagai kaedah pungutan zakat sama ada secara tradisional melalui amil di kaunter sehinggalah melalui saluran ICT dan teknologi. Menurut kajian oleh Hairunizam et. al. (2009), jumlah kutipan zakat telah meningkat hampir 17 peratus bagi jumlah keseluruhan kutipan keseluruhan. Ini menunjukkan satu peningkatan yang amat menggalakkan daripada masyarakat. Dengan transformasi yang berlaku ini seharusnya menjana kepada ekonomi yang lebih stabil. Tetapi dalam pada itu pihak zakat perlu memandang serius akan jumlah kutipan mengikut kepada pecahan jenis kumpulan zakat tersebut. Tidak banyak kajian yang dilakukan untuk mengkaji faktor penentu pembayaran zakat simpanan sebelum ini. Kebanyakan pengkaji lebih berminat untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi aspek pembayaran zakat perniagaan dan zakat pendapatan. Kajian untuk mengukur faktor kecenderungan pembayar zakat simpanan sebelum ini hanyalah berdasarkan kajian gelagat yang dijalankan oleh Farah Mastura dan zainol (2015) dan mendapati kurangnya tahap kesedaran individu menyumbang kepada kurangnya jumlah kutipan zakat

simpanan. Kajian ini membuktikan masih kurang kesedaran mengenai zakat simpanan ini di kalangan umat Islam di Malaysia adalah disebabkan kurangnya kempen-kempen dan iklan-iklan mengenai perkara ini, walaupun pembayaran zakat ini adalah satu perkara penting. Kepentingannya bukan sahaja untuk ekonomi malahan ia juga merupakan rukun Islam yang ketiga.

Jika dilihat daripada bank-bank lain, mereka lebih cenderung membayar zakat perniagaan dan disertakan dengan zakat pendeposit. Contohnya ialah Bank Rakyat antara penyumbang terbesar pembayar zakat perniagaan kepada PPZ dan jumlah bayaran juga semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini juga menunjukkan peranan bank dalam penyumbang kepada jumlah kutipan zakat di Malaysia. Dan pihak zakat juga perlu lebih meluaskan lagi pengagihan bukan sekadar kepada asnaf malahan juga untuk tujuan perubatan (Mohd Yusof et. al, 2016). Inisiatif yang diambil oleh pihak majikan, bank-bank dan juga institusi-institusi yang lain telah mengurangkan beban pusat pungutan zakat. Merujuk kepada Muhmmad Syukri (2006), isu pungutan zakat yang timbul apabila wujudnya jurang antara pusat pungutan zakat, pembayar dan penerima. Ini adalah kerana faktor keluasan kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada pusat pungutan zakat itu sendiri. Justeru itu apabila banyak pihak yang bekerjasama dengan PPZ maka lebih mudah bagi pihak mereka untuk menguruskan pengutipan zakat.

Perlantikan sebagai ejen pemungut zakat bukan satu isu kecil yang boleh dipandang enteng oleh sesetengah pihak. Ianya melibatkan hukum syariah dan juga perlembagaan sesebuah negeri. Isu ini dipandang serius bagi mengelakkan penyelewengan dana kutipan zakat dan untuk mengoptimumkan kadar kutipan. Tanpa ejen kutipan yang sah pembayaran zakat tidak diambil kira untuk membantu golongan asnaf (Mohd Anuar & Mohamad Naqib, 2017). Tidak banyak kajian terdahulu mengenai peranan yang dimainkan oleh pihak bank dalam pembayaran zakat pelanggan dan menurut Choudhury (2008), peranan pihak perbankan Islam untuk meningkatkan kutipan zakat simpanan adalah sangat berkait dan memberi impak yang besar dalam menjalankan tanggungjawab sosial kepada pendeposit. Dengan cara ini selain dari menjalankan tanggungjawab sosial kepada pendeposit pihak perbankan Islam juga secara tidak langsung dapat mempromosikan produk mereka terhadap kumpulan yang disasarkan (Sudin, 2005). Ini adalah sejajar dengan tujuan utama penubuhan sistem perbankan Islam untuk menyediakan produk patuh syariah bagi umat Islam di Malaysia.

Pusat pungutan zakat MAIWP juga telah menggunakan konsep wakalah di dalam menguruskan pengagihan zakat kepada pelajar dan juga asnaf. Tidak hanya menggunakan konsep ini untuk pengagihan bahkan ianya juga digunapakai oleh PPZ bagi kutipan zakat dan ia berlaku di antara majikan, IPTA dan juga individu. Ianya juga meningkatkan jumlah kutipan dan pengagihan secara lebih telus dan berkesan (Atiah,et. al, 2017). Konsep wakalah yang digunapakai pada masa kini telah wujud sejak dari zaman baginda Rasullullah SAW lagi. Menurut Joni Tamkin (2008) wakalah adalah proses di mana seseorang individu telah berakad mewakilkan kepada seseorang yang lain melakukan sesuatu bagi pihaknya. Kenyataan ini dikuatkan lagi degan firman Allah SWT:

“sekarangutuskanlah salah seorang daripada kamu membawa wang perak kami ini ke bandar...”(Surah Al-Kahfi ayat 9)

Wakalah adalah satu konsep yang sangat luas penggunaannya di dalam sistem muamalat. Tidak hanya bertumpu kepada zakat malahan konsep wakalah digunapakai di dalam sistem takaful (Hairul Azlan et al. (2004) di mana pelanggan mewakilkan phak ejen untuk melaburkan dana mereka untuk meluaskan keuntungan (Mohd Noor, 2013) Wakalah juga telah di aplikasi di dalam sistem pelaburan bertempoh di Bank Islam, pelanggan mewakilkan pihak bank untuk membuat pelaburan bagi pihak mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan secara kualitatif terhadap data sekunder yang terdiri daripada bahan bertulis seperti dokumen rasmi, jurnal dan laman web rasmi. Bahan bertulis yang mengandungi maklumat berhubung dengan aqad yang digunapakai oleh BIMB bagi pembayaran zakat pendeposit, memo-memo rasmi pihak bank Islam mengenai perkhidmatan pembayaran zakat pendeposit dan juga laman web rasmi Bank Islam sebagai data sekunder kajian ini.

Hasil kajian mengenai proses pula didapati dari memo rasmi yang telah dikeluarkan oleh pihak BIMB juga risalah rasmi Bank Islam. Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif untuk menggambarkan aplikasi wakalah yang digunapakai oleh BIMB dan faedah serta manfaat yang diperolehi oleh semua pihak.

HASIL KAJIAN


BIMB telah mencatatkan pertambahan kadar keuntungan setiap tahun hasil dari penjualan produk seperti pembiayaan, deposit dan pelaburan. Catatan kewangan yang berakhir pada tahun 2018 menunjukkan keuntungan oleh BIMB sebelum zakat dan cukai mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak RM810 juta berbanding tahun sebelumnya berjumlah RM767 juta. Dengan jumlah ini bermakna zakat perniagaan yang dibayar oleh BIMB juga semakin bertambah dari tahun ke tahun mengikut keuntungan yang di isytiharkan oleh bank. Seterusnya jika dilihat daripada aspek deposit dari pelanggan, jumlah deposit adalah sebanyak RM49.8 bilion berbanding RM41 bilion pada tahun 2014 (Bank Islam Malaysia Berhad, 2018)

Keuntungan yang dicatatkan juga adalah hasil daripada keyakinan pendeposit terhadap BIMB yang mendeposit ke dalam akaun di BIMB, sama ada dalam bentuk akaun pelaburan atau pun akaun simpanan. Pertambahan jumlah deposit ini telah membuka ruang kepada BIMB untuk mengambil inisiatif tambahan membayar zakat simpanan bagi pihak pelanggan atau pendeposit. Selain tindakan ini akan memudahkan pelanggan berzakat, ia juga secara tidak langsung akan meningkatkan kesedaran membayar zakat simpanan yang akhirnya akan menggalakkan pelanggan tersebut membayar zakat simpanan atau pelaburan serta menjalankan tanggungjawab tuntutan rukun Islam yang ketiga. Sebenarnya wujud satu manual di perbankan Islam yang menyarankan supaya pemegang akaun deposit atau pelaburan membayar sendiri zakat ke atas deposit atau pelaburan mereka. Namun begitu dengan perkhidmatan yang disediakan oleh BIMB ini tidaklah diwajibkan kepada semua pendeposit dan ianya adalah pilihan yang disediakan kepada para pelanggan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran membayar zakat simpanan selain daripada meningkatkan hasil kutipan zakat simpanan.

Bermula pada 2 Mei 2019, BIMB dengan kerjasama agensi kutipan zakat PPZ-MAIWP, Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Selangor dan institusi zakat di Kedah telah melancarkan satu perkhidmatan pembayaran zakat simpanan bagi pendeposit untuk membayar deposit simpanan atau pelaburan mereka yang berada di BIMB. BIMB telah menggunakan konsep wakalah iaitu pelanggan mewakili pihak bank bagi proses pembayaran zakat. Akan tetapi perkhidmatan yang dijalankan ini adalah pilihan daripada pihak pelanggan atau pendeposit dan juga bergantung pada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak bank.

KONSEP WAKALAH

Wakalah daripada sudut bahasa adalah bermaksud pemeliharaan dan penyerahan. Manakala daripada aspek bahasa pula, wakilah bermaksud penyerahan tugas kepada orang lain bagi mengendalikan urusan-urusan yang tidak bercanggah dengan syariat (Hailani & Sanep, 2009). Menurut al-Haskafi (2000 dalam Hailani dan Sanep, 2009) mengatakan definisi wakalah ialah mewakilkan seseorang untuk melakukan sesuatu atau menjaga barangan tertentu. Contohnya mewakilkan seseorang dalam urusan jual beli, pembahagian harta pusaka dan sebagainya. Kontrak wakalah hanya akan terjadi setelah orang yang memberikan kuasa (*al-mutawakkil*) berakad (*ijab*) memberikan kuasa untuk melakukan sesuatu perkara atau urusan yang diwakilkan (*al-mutawakkal fih*) kepada wakil (*al-wakil*) dan wakil menerima akad tersebut (*qabul*) iaitu merupakan *sighah* akad wakalah (Hailani & Sanep, 2009). Konsep wakalah ini akan berlanjutan sehingga waktu yang dipersetujui kedua-dua belah pihak ataupun ia akan terbatal apabila *muwakkil* meninggal dunia (Hailani & Sanep, 2009).



Rajah 1: Ilustrasi akad Wakalah membayar zakat

Kajian ini mendapati, pada 2 Mei 2019, pihak BIMB telah melancarkan perkhidmatan baru iaitu pembayaran zakat simpanan atau pelaburan iaitu menggunakan konsep wakalah. Bermula pada tarikh tersebut, pihak BIMB telah memulakan proses pembayaran zakat simpanan atau pelaburan bagi pihak pendeposit. Merujuk kepada Rajah 1, konsep wakalah ini berlaku hanya di antara pendeposit dan pihak bank di mana pelanggan berakad;

“Saya dengan ini melantik Bank Islam sebagai wakil untuk mengira dan membayar zakat simpanan dan pelaburan bagi jumlah simpanan keseluruhan yang terdapat di

*dalam akaun deposit dan / atau pelaburan saya di Bank Islam sahaja bermula pada tahun ini dan seterusnya kepada Agensi Mengurus Zakat (AMZ) di bawah mengikut hukum syarak dan terma-terma dan syarat-syaratnya** sehingga saya menamatkan perkhidmatan ini dengan member notis kepada pihak Bank Islam”*

(Aqad wakalah antara pelanggan dengan BIMB)


Merujuk kepada Rajah 1 juga, proses wakalah ini melibatkan tiga pihak iaitu pelanggan, bank dan juga pusat pungutan zakat. Ia bermula seperti berikut:

- (1) Pendeposit sebagai (*muwakil*) akan menyetujui akad mewakilkan pihak BIMB (*wakil*) sebagai ejen untuk membayar zakat (*muwakkal*) dan para pelanggan tidak perlu lagi membuat bayaran zakat di kaunter pungutan zakat. Ia memenuhi tiga rukun kontrak wakalah iaitu *aqidan* iaitu *muwakil* dan *wakil*, *ma'qud alaih* iaitu perkara yang dikontrakkan (membayar zakat) dan *sighah*. Pendeposit sebagai (*muwakil*) akan menyetujui akad mewakilkan pihak bank (*wakil*) sebagai ejen untuk membayar zakat (*muwakkal*) dan para pelanggan tidak perlu lagi membuat bayaran zakat di kaunter pungutan zakat.
- (2) Pihak BIMB seterusnya akan bertindak sebagai wakil kepada pendeposit untuk membayar zakat simpanan atau pelaburan bagi pihak *muwakil* kepada institusi zakat (*muwakkal*) yang telah dipilih oleh pelanggan. Di dalam konsep ini pihak BIMB juga sebagai wakil untuk menajalankan proses pengiraan kadar ataupun jumlah yang perlu di bayar oleh pihak pendeposit atau pelabur.

PROSES PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN OLEH BANK ISLAM

Merujuk kepada Rajah 2, setelah pihak BIMB menerima permohonan sebagai wakil daripada pelanggan, pihak bank perlu membuat semakan sama ada pelanggan bersetuju dengan terma dan syarat yang telah ditetapkan untuk memenuhi syarat sah aqad. Pegawai BIMB yang terlibat akan menerangkan tentang konsep wakalah yang digunapakai dan cara pembayaran zakat simpanan kepada pelanggan. Sekiranya pelanggan bersetuju dengan aqad tersebut, maka pegawai tersebut akan melakukan penyelenggaraan di dalam sistem maklumat pelanggan tersebut. Contohnya, tanggal setiap 31 Oktober bermula dari 2019 atau pada tahun pelanggan berakad, secara automatik pengiraan zakat simpanan atau pelaburan pelanggan akan dikira berdasarkan kaedah baki yang tinggal dalam akaun pelanggan pada tarikh tersebut.

Pengiraan ini telahpun mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak antara BIMB dan juga institusi zakat dimana kadar bayaran zakat simpanan adalah mengikut hukum syarak iaitu pada kadar 2.5 peratus setahun daripada jumlah simpanan atau pelaburan.



Rajah 2: Proses pembayaran zakat simpanan atau pelaburan di BIMB

Ketika permohonan dilakukan, pelanggan BIMB boleh memilih sama untuk membayar zakat ke negeri yang dipilih oleh mereka. Bagi mereka yang berkerja, adalah digalakkan untuk membayar kepada pusat zakat negeri tempat mereka bekerja manakala bagi surirumah dan pesara, mereka boleh memilih negeri bermastautin atau negeri kelahiran mereka. Pemilihan juga adalah tertakluk kepada senarai yang telah dikeluarkan oleh pihak BIMB dari semasa ke semasa. Seterusnya apabila sampainya tarikh 31 Oktober, maka sistem secara automatik akan membuat pengiraan dan sekiranya jumlah akaun simpanan atau pelaburan cukup nisab untuk pembayaran zakat simpanan, maka proses pemotongan akan dilakukan oleh pihak bank. Untuk

menjelaskan dengan lebih terperinci tentang bagaimana pengiraan dilakukan. Jadual 2 menunjukkan contoh pengiraan zakat simpanan oleh BIMB.

Jadual 2: Contoh pengiraan zakat simpanan atau pelaburan oleh BIMB

Jenis Akaun	Tarikh Serta Tahun Dibuka	Baki Semasa Pada 31 Oktober 2019 (RM)
Akaun Simpanan Qard	1 Februari 2014	10,000
Akaun Pelaburan Al-Awfar	15 Mei 2016	50,000
Akaun Bertempoh Tawarruq	30 September 2019	5,000
Jumlah Keseluruhan Akaun		65,000
Pengiraan Zakat		65,000 x 2.5% = 1,625
Potongan daripada Akaun Simpanan / Semasa		1,625.00

Jadual 2 pula menunjukkan kaedah pengiraan zakat simpanan oleh BIMB adalah sama dengan kaedah pengiraan zakat simpanan di kaunter pungutan institusi zakat dengan kadar 2.5 peratus setahun daripada jumlah simpanan atau pelaburan. Setelah pengiraan dilakukan, akaun pelanggan akan didebit bagi tujuan pembayaran zakat dan sekiranya penolakan Berjaya, maka berlakulah proses pembayaran zakat pelanggan. Berlainan pula jika baki akaun tidak mencukupi untuk pembayaran zakat maka pelanggan perlu membuat pembayaran zakat simpanan sendiri dan kontrak akan terbatal apabila pelanggan memohon untuk membatalkan kontrak ataupun apabila pelanggan meninggal dunia.

Bagi proses pemotongan akaun pelanggan akan dimaklumkan oleh pihak bank melalui perkhidmatan sistem pesanan ringkas atau SMS. Pelanggan kemudiannya akan menerima resit bayaran daripada pusat pungutan zakat untuk rekod dan kegunaan lain. Pelanggan juga boleh menyemak sama ada pemotongan berjaya atau tidak melalui tiga cara iaitu sistem perbankan internet, semak di cawangan bank berhampiran atau menghubungi khidmat pelanggan BIMB. Akan tetapi pembayaran zakat simpanan ini akan hanyalah untuk akaun pelanggan di BIMB sahaja manakala bagi simpanan di bank lain, pelanggan perlu membayar di kaunter zakat yang berhampiran. Perkhidmatan pembayaran zakat yang di tawarkan oleh BIMB ini adalah secara percuma dan pelanggan tidak akan dikenakan sebarang caj ataupun bayaran. Ini adalah salah satu tanggungjawab sosial yang dijalankan oleh pihak bank kepada pelanggan mereka.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Di sini dapat dilihat pelbagai manfaat yang dapat diperoleh daripada semua pihak iaitu pendepositor, pihak bank, pusat pungutan zakat dan juga masyarakat setempat kesan daripada pelaksanaan konsep wakalah dalam pembayaran zakat simpanan. Dalam aspek tertentu, pihak pelanggan atau pendepositor dapat menikmati kemudahan pembayaran zakat simpanan secara automatik tanpa perlu ke kaunter bayaran zakat di institusi zakat. Bagi pihak bank pula, ia menyediakan konsep wakalah yang mengikut garis panduan yang telah ditentukan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) dan secara tidak langsung dapat menjaga kemaslahatan pihak pelanggan dalam membayar zakat simpanan. Selain itu, pelaksanaan konsep ini secara tidak langsung akan menjaga prinsip maqasid syariah yang ke lima iaitu menjaga harta dari jatuh ke tangan orang lain apabila umat Islam membayar zakat ianya akan membantu umat Islam yang lain dan harta ini berterusan untuk membantu umat Islam. Selain tanggungjawab sosial yang telah dijalankan, pihak BIMB juga turut membantu para pendepositor beragama Islam untuk mengelakkan diri daripada terjerumus dengan dosa tidak membayar zakat. Ini juga sejajar dengan konsep BIMB untuk menyediakan produk patuh syariah kepada para pelanggannya dalam aspek perbankan.

Manakala manfaat kepada institusi zakat pula amat besar dimana ia bakal meningkatkan lagi jumlah kutipan zakat secara tahunan khususnya melalui kutipan zakat simpanan dan ini akan membantu dalam meningkatkan jumlah agihan kepada asnaf serta menjana sosio ekonomi Islam secara keseluruhan. Kerjasama yang dijalankan dengan pihak bank adalah salah satu kaedah yang berkesan dalam mempromosikan kempen berzakat kepada umat Islam dan kemungkinan jumlah kutipan zakat simpanan akan terus bertambah dari tahun ke tahun. Secara tidak langsung apabila bertambahnya pungutan zakat, maka lebih ramai golongan asnaf yang akan dibantu dan keluar daripada kelompok kesusahan. Semua pihak akan mendapat keuntungan dengan kaedah bayaran zakat yang disediakan oleh pihak bank ini dan konsep yang dijalankan ini tidak menguntungkan sebelah pihak sahaja dan secara tidak langsung ia akan membantu untuk menyelesaikan masalah ummah.

KESIMPULAN

Selain menjaga kemaslahatan pengguna secara tidak langsung pihak bank membantu untuk menjana pendapatan pihak zakat dan membantu golongan asnaf. Wujudnya sistem ini sosio ekonomi Islam akan mula berkembang dengan baik. Kempen kesedaran yang membayar zakat juga tidak lagi dijalankan oleh pihak zakat sahaja akan tetapi ianya dilakukan juga oleh pihak bank. Ini juga akan meningkatkan kesedaran pelanggan akan pentingnya membayar zakat untuk kesejahteraan ekonomi. Pungutan zakat secara wakalah ini adalah menjadi satu contoh yang baik bukan sahaja untuk BIMB tetapi untuk semua perbankan Islam yang lain selain membantu pelanggan untuk menunaikan rukun Islam yang ketiga pihak bank juga dapat mempromosikan produk mereka. Selain daripada itu BIMB telah mewujudkan deposit patuh syariah dan akan menjadikan ianya pilihan bagi mereka yang menginginkan Islam dalam kehidupan. Kesimpulan yang dapat dibuat di sini adalah kewujudan sistem wakalah bagi pembayaran zakat ini adalah sangat membantu untuk sosio ekonomi Islam selain itu ia akan memberi manfaat dan juga faedah kepada semua pihak termasuk pihak bank, pusat pungutan zakat, pelanggan dan juga golongan asnaf. Secara tidak langsung ini akan membuka mata lebih banyak pihak untuk membantu pihak zakat dalam menyelesaikan masalah kutipan zakat simpanan dan akan lebih memartabatkan lagi ekonomi Islam itu sendiri.

RUJUKAN

- Atiah Ahmad & Hairunizam Wahid 2017. Kontrak Wakalah Dalam Agihan Zakat: Kajian Di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dalam seminar PERKEM 2017. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bank Islam Malaysia Berhad. 2018. Bank Islam: Laporan Tahunan Bersepadu 2018. Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad
- Choudhury, Masudul Alam & Sofyan Syafri Harahap. 2008. Interrelationship between Zakat, Islamic bank and the economy. A theoretical exploration.
- Farah Mastura Noor Azman & Zainol Bidin. 2015a. Determinants of attitude toward zakat on saving. Australian Journal of Basic and Applied Sciences

- Farah Mastura Noor Azman & Zainol Bidin. 2015b. Factors Influencing Zakat Compliance Behavior on Saving. *International Journal of Business and Social Research*, 5(1): 118-128
- Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. 2009. *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam: UPENA
- Hairul Azlan Annuar, Saiful Azhar Rosly & Hafiz Majdi Abdul Rashid. 2004. Al Wakalah and Its Impact on the Growth and Performance of Takaful Companies: A Malaysian Case. *The European Journal of Management and Public Policy*. 3(1): 84-119
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2009. Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia. Dalam Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/2009. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Laporan tahunan zakat PPZ-MAIWP. 2018. Pusat Pungutan Zakat MAIWP
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Naqib Hamdan. 2017. Isu Kutipan Zakat Tanpa Kebenaran: Kajian Dari Perspektif Perundangan Syariah. Terbitan ACIS UITM Shah Alam.
- Mohd Syukri Mohd Noor, 2013. Prinsip al-wakalah dalam al-Kutub al-sittah dan aplikasinya dalam industri takaful di Malaysia / Mohd Syukri bin Mohd Noor. Masters thesis, University of Malaya
- Mohd Yusof Ismail, Hairunizam Wahid & Zulkefly Abdul Karim. 2016. Pengagihan Zakat Perubatan Di Malaysia: Peranan Bank Rakyat. Dalam CMIEF 2016. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. 2006. Penyetempatan pengagihan zakat: Satu cadangan teoritis dalam zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan. Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhsin Nor Paizin. 2014. Perlaksanaan Zakat Di Wilayah Persekutuan: Satu pemerhatian terhadap operasi kutipan & agihan zakat: Kajian di Malaysia
- Sudin Haron & Wan Nursofiza Wan Azmi. 2005. Marketing Strategy Of Islamic Banks: A Lesson From Malaysia.
- Wan Marhaini Wan Ahmad & Ana Shakirah Md Shafik@Sapir. 2019. Zakat On Banking Deposits Among Urbanite Muslims. Proceedings of the 1st Kedah International Zakat Conference 2019. hlm. 903-911.

